



Hujung Minggu

قليتا برunei

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.31 DUHA 6.54 ZUHUR 12.33 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit
TAHUN 69 BILANGAN 27 | 2 MAC 2024 / 1445 21 شعبان | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU PERCUMA Daerah Tutong ditambah 1 minit

مانيسن ايمان

"RA SULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebaikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahanatan".



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyampaikan pembentangan pada persidangan tersebut.

KAHERAH, Khamis, 29 Februari, - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norfaran bin Haji Zainal menghadiri Persidangan Antarabangsa Kitab Turats dan Cabarannya di Alam Melayu : Al-Azhar Sebagai Manhaj dan Rujukan bertempat di Markaz Sheikh Zayed, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir sebagai salah seorang pembentang utama yang berlangsung pada 27 hingga 29 Februari 2024.

Persidangan berkenaan dianjurkan bersama Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Malaysia, Akademi Pengajian Islam Universiti Melayu Malaysia; UNISSA; dan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Persidangan berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Sheikh Al-



REKTOR UNISSA semasa menghadiri Persidangan Antarabangsa Kitab Turats dan Cabarannya di Alam Melayu : Al-Azhar Sebagai Manhaj dan Rujukan bertempat di Markaz Sheikh Zayed, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir.

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Azhar, Profesor Dr. Mohamed Abdel Rahman Mohamed El-Doweiny, selaku wakil peribadi Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Sheikh Al-Azhar Al-Syarif yang juga merupakan Penaung Persidangan.

Turut hadir selaku pembentang utama ialah Presiden Universiti Al-Azhar, Profesor Dr. Salamah Daud; Naib Presiden Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar Pusat, Profesor Mohamed

Al-Mahrasawy; dan Penasihat Sheikh Al-Azhar bagi Urusan Pelajar Antarabangsa, Profesor Dr. Nehfa El-Saiedy.

Dalam ucapan perasmian dan ucaptama perdana, Profesor Dr. Mohamed Abdel Rahman Mohamed El-Doweiny, telah menyentuh tentang sumbangan dan kerjasama Institusi Al-Azhar Al-Sharif dalam memperkuuh dan memelihara pengajian Turats Islam di alam Melayu khususnya dalam

melahirkan para cendekiawan dan ulama-ulama Islam muktabar sejak abad ke-17 hingga sekarang.

Manakala, Rektor UNISSA menyampaikan kertas kerja utama bertajuk 'Kedudukan Kitab Turats Dalam Pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam' yang antaranya mengongsikan peranan institusi ugama melalui kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkuuh

dan memperkuuh syiar Islam melalui pengajian ilmu Turats yang terus berkembang dan dipelihara di negara ini.

Persidangan turut disertai lebih daripada 170 pembentang daripada pelbagai negara termasuk 10 wakil pembentang dari UNISSA.

Turut hadir dalam persidangan berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Salimin bin Pengiran Mohd. Daud.